

RM70j ubahsuai Pusat Latihan Brickedonbury

Um - 2/2007



NAJIB Tun Abdul Razak bersama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said membuka tirai ketika melancarkan majalah kecergasan kebangsaan (NFC) di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

- Gambar Bernama

PUTRAJAYA 8 Feb. - Pusat Latihan Prestasi Tinggi Malaysia di Brickedonbury, Hertfordshire, England akan diubah suai membabitkan kos sebanyak 10 juta pound (RM70 juta) dan dijangka boleh digunakan menjelang April ini, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Pembangunan Sukan berkata, ubahsuai minimum itu hanya membabitkan kemudahan asrama serta padang bagi menampung jumlah atlet yang kecil serta sebagai *vanue* latihan bola sepak.

"Jumlah ubahsuai itu ditetapkan tidak lebih 10 juta pound. Kemudahan pengkalan hadapan ini adalah bagi tujuan latihan atau transit bagi jangkamasa pendek atau panjang," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di pejabatnya, di sini hari ini.

Najib berkata, skuad junior bola sepak negara dijangka menjadi kumpulan pertama atlet negara yang akan menggunakan kemudahan itu pada April ini.

Katanya, ini bergantung jika rundingan awal antara Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan sebuah pasukan yang beraksi di Liga Premier Inggeris (EPL), Arsenal berjalan lancar.

"Pasukan bola sepak junior Malaysia akan menjadikan pusat itu sebagai tempat penginapan dan juga pusat latihan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Dr Ramlan Aziz berkata, MSN akan menggunakan kepakaran sains sukan dari dua buah universiti yang berdekatan, University Nottingham dan Universiti Loughbrough untuk memantapkan lagi program latihan atlet negara yang berada di pusat itu kelak.

- Bernama